PENGARUH MEDIA MASSA KE ATAS PENGLIBATAN POLITIK BELIA CINA

GAN PEI SHAN & NOOR SULASTRY YURNI AHMAD

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang peranan media massa dan persepsi politik terhadap isu-isu politik dan parti politik dalam mempengaruhi partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan media massa dalam mempengaruhi partisipasi politik pengundi Cina dalam pilihan raya umum; persepsi politik pengundi Cina terhadap isu-isu politik yang diketengahkan dalam PRU-13 dan partisipasi politik pengundi Cina bandar di DUN Chempaka (N21) dalam PRU-13. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berdasarkan kepada data dan temubual tidak rasmi dalam kalangan belia Cina yang tinggal di bandar. Selain itu, kajian turut memperlihatkan bahawa faktor imej parti sebagai penentu kemenangan bagi DUN Chempaka (N21) dalam PRU-13. Justeru itu, keadaan ini menunjukkan satu fenomena baharu dalam pilihan raya di Malaysia, khususnya di bandar Chempaka, Selangor.

Kata Kunci: *Pilihan Raya, Belia, Media Massa, Partisipasi Politik, Pengundi Bandar*

ABSTRACT

This article discusses the role of the mass media and political perceptions on political issues and political parties in influencing the urban Chinese voters' participation in the 13th. General Election (GE13). This study aims to identify the role of the mass media in influencing the political participations of Chinese voters in the general election; Chinese voters political perceptions of political issues highlighted and the political participation of Chinese urban voters in DUN Chempaka (N21) in the 13th GE. This study uses qualitative methods based on secondary data and informal interviews among Chinese youths living in the urban areas. Hence, the study also shows that the image factor of the party as a determinant factor for the victory of DUN Chempaka (N21) in the 13th GE. Hence, this situation shows a new phenomenon in the elections in Malaysia, especially in Chempaka town, Selangor.

Keywords: *Election, Youth, Mass Media, Political Participation, Urban Voter*

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan adat dan budaya yang tersendiri. Keunikan ini telah dapat menarik para pelancong untuk melancong ke negara kita dan membangunkan ekonomi negara kita. Keadaan negara Malaysia yang maju dan membangun kini semuanya adalah atas jasa tokoh-

tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan negara kita daripada pihak penjajah terutamanya penjajahan British. Penjajahan British di Tanah Melayu telah dijadikan sebagai iktibar kepada para penduduk Tanah Melayu supaya bersatu padu untuk mengelakkan negara kita dijajah semula.

Dasar pecah dan perintah yang dilakukan oleh pihak British semasa kedatangan buruh-buruh Cina dan India ke Tanah Melayu telah mewujudkan jurang perbezaan yang ketara dengan membezakan kawasan penempatan dan aktiviti ekonomi mengikut kaum. Penduduk Melayu ditempatkan di kawasan pedalaman dan bekerja dalam sektor pertanian, kaum Cina pula ditempatkan di bandar untuk menjalankan aktiviti perlombongan dan perniagaan manakala kaum India pula ditempatkan di kawasan perladangan untuk mengerjakan ladang-ladang British. Tindakan British ini turut meninggalkan impak kepada corak taburan penduduk sehinggalah kini. Kebanyakan penduduk kaum Melayu masih tinggal di kawasan pinggir bandar atau kawasan luar bandar, manakala etnik Cina pula banyak yang mendiami di kawasan bandar. Sementara kaum India pula masih tinggal di kawasan pertanian ladang. Walaupun kerajaan telah berusaha untuk memperbaiki corak taburan penduduk yang tidak sihat ini melalui beberapa dasar, namun usaha ini masih tidak berkesan. Hal ini sudah tentu mempengaruhi corak pengundian dalam pilihan raya umum terutamanya apabila parti-parti politik ditubuhkan untuk memperjuangkan hak berasaskan etnik tertentu.

Sejak daripada kemerdekaan, parti Barisan Nasional (BN) telah mencapai kemenangan dalam kebanyakan pilihan raya umum yang dijalankan sejak pembentukannya pada tahun 1973 sebagai pengganti kepada Parti Perikatan. Sebagai contoh, dalam kajian yang dijalankan oleh Jamaie Hj Hamil dan rakan-rakan beliau yang bertajuk Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia ada menyatakan Barisan Nasional telah memenangi 131 kerusi Parlimen daripada 154 jumlah kerusi Parlimen yang dipertandingkan (Jamaie *et al.*, 2014:39). Tambahan lagi, buat kali pertama Barisan Nasional turut berjaya menguasai Kelantan yang telah diperintah oleh PAS selama ini. Dalam pilihan raya umum 1978 juga, terdapat 387 calon yang bertanding, dan 50 orang calon daripada calon bebas dan 9 orang calon dari parti Barisan Nasional telah menang tanpa bertanding (Jamaie *et al.*, 2014:40)

Hal ini telah menunjukkan bahawa rakyat Malaysia memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap pemerintahan BN. Namun demikian, sokongan rakyat kepada parti BN telah berubah apabila kebanyakan pengundi yang mula memberi sokongan kepada parti pembangkang terutamanya kaum Cina. Fenomena yang baharu dalam pilihan raya ini jelas dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) sehinggalah ke Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13). Analisis ke atas keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 pula menunjukkan bahawa majoriti pengundi Cina terutamanya di kawasan bandar memihak kepada Pakatan Rakyat (Junaidi et al., 2015:106). Hal ini berlaku disebabkan kaum Cina yang tinggal di kawasan bandar lebih mudah dipengaruhi oleh slogan-slogan yang dikemukakan oleh parti pembangkang

melalui kempen atau media massa. Contohnya, slogan "Ubah" yang dilaungkan oleh Pakatan Rakyat sebelum PRU-13 memberi pengaruh yang besar teruatamanya dalam kalangan generasi muda. Menurut kajian Samsudin A. Rahim bertajuk Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 juga menunjukkan kebanyakan generasi muda yang merupakan responden kajian menggunakan surat khabar, televisyen dan internet untuk mendapatkan maklumat pilihan raya. Walaupun tidak banyak perbezaan antara kaum dari segi penggunaan internet, tetapi etnik Cina lebih mendahului etnik lain iaitu sebanyak 55 peratus berbanding dengan etnik lain (Samsudin, 2011:1).

Justeru, artikel ini memberi fokus kepada peranan media massa, persepsi politik pengundi Cina bandar terhadap isu-isu politik dan seterusnya mengenal pasti partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13). Fokus yang diberikan di sini ialah pengundi Cina bandar dan kawasan tumpuan iaitu bandar Chempaka, Selangor yang terbabit dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 di mana kajian lepas tidak memberi penekanan terhadap pengundi Cina bandar dan bandar Chempaka, Selangor yang terlibat dalam PRU-13.

Belia merupakan golongan muda yang mempunyai ciri-ciri dan sifat tertentu. Belia terdiri daripada individu yang berumur dalam lingkungan umur antara 15-40 tahun di Malaysia. Walau bagaimanapun, tafsiran bagi umur belia adalah berbeza-beza mengikut negara. Umur golongan belia mengikut aspek politik di Malaysia merupakan umur antara 21 tahun hingga 40 tahun. Hal ini disebabkan rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas layak melibatkan diri dalam politik dengan mendaftar sebagai pengundi. Golongan belia lazimnya menjadi golongan majoriti dalam sesebuah negara. Di Malaysia, kira-kira 60 peratus penduduknya pada hari ini berada dalam lingkungan umur antara 15 tahun hingga 30 tahun, ini merupakan satu ciri umum dalam kebanyakan negara yang sedang membangun (Hussain, 1997:9). Manakala menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014 pula, seramai 9.1 juta atau 30 peratus dari penduduk di Malaysia adalah belia yang berumur 15-30 tahun. Peratusan populasi yang lebih kecil ini membolehkan objektif penganjuran program belia oleh kerajaan dapat difokuskan serta dijamin keberkesanannya termasuk program-program yang bercorak kepimpinan (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Ed. 4, 2014).

Selain daripada takrifan yang diberikan oleh PBB dan Kementerian Belia dan Sukan, para sarjana turut membincangkan tentang takrifan yang berbeza bagi golongan belia. Pengertian belia menurut James S. Coleman (1974) dianggap sebagai peringkat peralihan tingkat umur malahan dari segi kejiwaannya pula ia dihubungkan dengan proses penyediaan seseorang untuk melangkah dan memasuki peringkat dewasa. Proses penyediaan ini melibatkan proses sosialisasi dan pemupukan kesedaran terhadap alam kehidupan mengenali keluarga, kuasa, kepimpinan dan lain-lain yang berguna untuk menghadapi wadah hidup yang berikutnya. Pengertian menerangkan belia sebagai suatu proses yang akan dialami oleh setiap orang dan

pada peringkat ini belia akan menghadapi pelbagai cabaran yang memaksa mereka untuk membuat keputusan dalam kehidupan. Dengan itu, kajian ini meninjau sejauh mana peranan media massa dalam mempengaruhi keputusan golongan belia untuk meningkatkan partisipasi politik dalam PRU-13.

Menurut Leopold Rosenmayr (1979:17), beliau mengatakan bahawa belia merupakan produk hasil daripada masyarakat dan juga bertindak sebagai suatu kuasa dalam perubahan sosial dan transformasi sosial.

> *"...Youth is a product of societal reproduction as well as a force in social change or social transformation…"*

Kenyataan ini menerangkan bahawa golongan belia merupakan suatu tenaga penting dalam mencetuskan gerakan sosial sesebuah masyarakat. Jika kenyataan ini dipandang dari segi sejarah pula, belia menjadi penggerak utama yang melahirkan pelbagai perubahan sosioekonomi dan politik, sama ada dalam sesebuah negara yang maju ataupun yang sedang membangun. Dengan ini, kajian yang dijalankan melihat sejauh mana gerakan sosial belia dalam membawa perubahan terhadap partisipasi politik pengundi Cina bandar terutamanya belia dalam PRU-13.

Golongan belia dikatakan memainkan peranan utama dalam menjana pembangunan negara dari aspek ekonomi, sosial mahupun politik dan seterusnya membawa negara ke arah yang lebih maju. Walaupun kajian lepas menunjukkan kebanyakan golongan muda lebih cenderung melibatkan diri dalam pendidikan dan dunia pekerjaan, tetapi penglibatan politik golongan belia kini adalah semakin bertambah. Perkembangan politik Malaysia yang semakin mencabar telah menyebabkan parti politik cuba untuk mendekati golongan belia dan memberikan pendedahan tentang parti politik kepada mereka. Menurut Datuk Fuad Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), golongan belia merupakan aset penting kepada kerajaan mahupun pembangkang terutamanya dalam memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kerana golongan ini mewakili 77.9 peratus daripada pengundi berdaftar (Abdul Hadi Samsi et al., 2014:108). Dengan itu, parti-parti politik yang bertanding berusaha keras dalam memastikan golongan belia ini memberikan sokongan penuh ke atas parti mereka. Keadaan ini menunjukkan adalah penting bagi golongan belia untuk mengenal parti politik yang bertanding sebelum mereka membuat pilihan dalam pilihan raya umum. Oleh itu, kajian ini mengenal pasti persepsi politik pengundi Cina bandar terhadap parti politik yang bertanding dalam PRU-13.

Seperti mana yang dibincangkan dalam buku Belia Malaysia: Masalah, Gerakan dan Masa Depan, kewujudan perpaduan rakyat bukan hanya tertakluk pada sumber hasil bumi ataupun kebolehan pemimpin sahaja, malah tindak balas, persepsi politik dan partisipasi politik rakyat terutamanya golongan belia amat diperlukan (Hussain Mohamed, 1997:15). Dalam hal ini, partisipasi politik golongan belia adalah sangat penting kerana golongan ini merupakan tunjang utama

negara dan berperanan untuk mencorakkan negara pada masa kelak. Oleh itu, kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti persepsi politik pengundi Cina terhadap parti politik serta memberi fokus dalam partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam pilihan raya umum ke-13.

Objektif kajian ini adalah untuk memahami peranan media massa dalam mempengaruhi partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam pilihan raya umum, mengenal pasti persepsi politik pengundi Cina bandar terhadap isu-isu politik yang diutarakan dan parti politik dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 dan mengenal pasti partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Kajian ini memfokuskan kepada partisipasi politik pengundi Cina bandar di Malaysia dalam Pilihan Raya Umum 2013. Kajian ini juga dijalankan terhadap bandar yang terlibat dalam Pilihan Raya Umum 2013 di Malaysia serta mempunyai jumlah pengundi yang tinggi iaitu negeri Selangor. Tumpuan kawasan bandar di Selangor pula difokuskan pada bandar Chempaka (N21) yang menunjukkan kadar peningkatan partisipasi politik pengundi Cina yang paling tinggi berbanding dengan bandar-bandar yang lain.

Belia Cina dan Belia Bandar : Suatu Sorotan

Sarjana-sarjana sama ada tempatan mahupun antarabangsa telah mengemukakan sudut pandangan mereka yang berbeza dalam kertas kerja masing-masing. Antaranya hasil penulis yang banyak dirujuk dalam kajian ini adalah Junaidi Awang Besar, Muhammad Fuad Bin Othman, Mohd. Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek dan lain-lain. Sumber-sumber daripada kajian lepas ini sangat menarik dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kerana banyak membantu dalam memberi input serta membentuk idea yang baru terhadap kajian ini. Sumber kajian telah dirumuskan kepada dua. Tema pertama ialah Media Massa dan Partisipasi Politik Pengundi Cina Bandar manakala tema kedua ialah Pilihan Raya dan Pengundi Cina Bandar.

i. Media Massa dan Partisipasi Politik Belia Cina

Pada era modenisasi ini, penggunaan media telah membuka satu dimensi baru dalam proses komunikasi dan penyebaran maklumat. Sesuatu maklumat itu bukan sahaja dapat disampaikan tanpa sekatan malah setiap orang bebas berkongsi atau menyuarakan pendapat masing-masing. Hal ini turut meningkatkan lagi partisipasi politik rakyat. Dengan itu, media massa memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi partisipasi politik pengundi dalam pilihan raya umum dan kajian lepas mengenai peranan media turut dibincangkan dalam bab ini.

Menurut Nur Azween Zakaria dan Nidzam Sulaiman dalam karyanya Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12 (2008), penggunaan ruang siber melalui peranan media alternatif seperti blog, laman web, emel dan *Short Message Service* (SMS) dapat memperluas ruang bersuara sekali gus meningkatkan partisipasi demokrasi (Nur Azween *et al.,* 2008:249). Kajian ini menggunakan Aplikasi *Theory of Radical Medi*a sebagai landasan utama kajian ini dalam meneliti sejauh mana media alternatif berperanan

sebagai kontra-hegemoni terhadap *state* atau penguasa seterusnya mewujudkan impak ke atas tren pengundian pada pilihan raya umum ke-12, 8 Mac 2008 yang lalu (Nur Azween *et al*., 2008:249). Kajian ini menjelaskan bahawa media telah menjadi pendorong utama kepada perubahan masyarakat dan dijangkakan ruang partisipasi masyarakat sivil Malaysia menjadi lebih luas dengan kehadiran media alternatif ini pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bagaimana sesebuah kerajaan dicabar oleh ruang partisipasi politik rakyat melalui peranan media massa. Walaupun peranan media adalah penting dalam mempengaruhi partisipasi politik, namun persepsi politik pengundi itu sendiri dilihat lebih berpengaruh kerana mereka sudah matang dan dapat membuat keputusan berdasarkan persepsi politik mereka sendiri terhadap isu-isu semasa dan parti politik yang terlibat. Oleh itu, kajian ini mengkaji persepsi politik pengundi Cina bandar terhadap isu-isu politik semasa dan memahami peranan media massa dalam mempengaruhi partisipasi politik.

Manakala Syed Arabi Idid (1994: 3) dalam bukunya Penentuan Agenda: Peranan Media Massa dalam Pilihanraya Umum, peranan media penting dalam menentukan pengundian daripada beberapa segi. Maklumat yang disampaikan melalui media massa menjadi bahan perbincangan pengundi untuk menentukan kemenangan parti politik pilihan mereka. Pengundi yang bergantung pada media massa untuk mendapatkan maklumat akan mudah terpengaruh dengan perkara yang disampaikan terutamanya generasi muda yang sering melayari laman web sosial seperti *Facebook, Whatsapp*, dan *Twitter.* Kajian ini mengatakan bahawa media massa banyak memberikan maklumat yang boleh menjadi asas bagi rakyat untuk membuat keputusan apabila mereka keluar mengundi. Dengan itu, isu-isu yang diketarakan oleh pihak media akan mempengaruhi keputusan rakyat untuk mengundi dalam pilihan raya umum. Namun begitu, karya ini telah lama dihasilkan iaitu pada tahun 1994 dan fokusnya kepada pilihan raya umum 1990 yang telah lama berlalu di mana pada masa itu kekuasaan parti BN masih kuat dan parti lain seperti DAP tidak begitu stabil dan tidak kuat menentang. Justeru itu, kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam pilihan raya umum yang terkini iaitu PRU-13 di mana senario dan latar belakang peristiwa politik dalam kedua-dua pilihan raya umum ini menunjukkan perbezaan yang sangat ketara.

Selain itu, artikel Fatimah Akmal dan Ali Salman, Partisipasi Politik Belia Secara *'Online'* Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru memberikan fokus kepada penggunaan media baru sebagai medium yang memudahkan sebaran maklumat, di mana informasi boleh diakses tanpa sekatan. Malah pengguna bebas berkongsi, menyuarakan pendapat dan mampu meningkatkan partisipasi politik mereka (Fatimah Akmal & Ali, 2015:81). Kajian ini dijalankan dengan melihat hubungan demokrasi ruang media baru dengan partisipasi politik secara *online* dan *offline* dalam kalangan belia bandar. Partisipasi politik secara *online* ialah mempunyai keupayaan dalam menyuarakan pendapat politik secara dalam talian manakala partisipasi politik secara *offline* adalah secara luar talian seperti menghadiri perhimpunan. Hasil kajiannya menunjukkan media baru disokong sebagai ruang demokrasi maklumat dan belia aktif dalam partisipasi politik secara

online dan *offline*. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan iaitu memberi fokus ke atas partisipasi politik belia bandar. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan menumpukan kepada satu etnik sahaja iaitu kajian terhadap pengundi Cina bandar sahaja.

Partisipasi politik pengundi adalah sangat penting dalam politik negara Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Partisipasi politik dapat dikaji dengan melihat kepada tren pengundian dalam pilihan raya umum. Dalam jurnal artikel *Media Freedom, Political Knowledge, and Participation* yang ditulis oleh Peter T. Leeson (2008), beliau mengkaji hubungan antara kebebasan media, pengetahuan politik, partisipasi politik dan kadar pengundian. Leeson telah mengkaji kebebasan media dan partisipasi politik rakyat di negara-negara Eropah Tengah dan Eropah Timur dengan merujuk kepada data daripada *"Freedom House's Freedom of the Press Report"* dan *"European Commission's Candidate Countries Eurobarometer Survey"* (Peter T. Leeson, 2008:155). Hasil kajian ini jelas mengatakan bahawa apabila kebebasan media disekat oleh kerajaan, pengetahuan politik rakyat menjadi rendah. Apabila pengetahuan politik rakyat adalah rendah, partisipasi politik akan menurun secara tidak langsung dan kadar pengundian turut menurun. Justeru itu, peranan yang dimainkan oleh media massa dalam mempengaruhi minda masyarakat memang tidak dapat disangkal lagi terutamanya peranan media massa dalam mempengaruhi pengetahuan politik rakyat yang membawa kesan kepada partisipasi politik rakyat.

Selain itu, karya *Media Freedom, Political Knowledge, and Participation* merupakan kajian yang dijalankan oleh Sarjit S. Gill dan rakan-rakannya yang bertajuk Penglibatan dan Pemilihan Pemimpin Politik dalam Kalangan Belia Minoriti di Semenanjung Malaysia menyentuh tentang partisipasi politik golongan belia minoriti (Sarjit *et al.*, 2011:43). Kajian ini melihat persepsi dan penerimaan terhadap parti pemerintah iaitu Barisan Nasional dalam kalangan belia komuniti minoriti selepas tsunami politik 2008. Tambahan lagi, satu analisis telah dibuat untuk menganalisis pola pemilihan parti gabungan di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa belia minoriti kurang menyertai parti politik. Hal ini dapat diterangkan melalui hasil kajiannya iaitu daripada enam etnik yang dikaji, hanya etnik India Muslim yang mempunyai parti politik khusus iaitu Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA). Etnik Portugis, Baba Nyonya, Orang Asli, Siam dan Chetti hanya 'menumpang' parti politik berasaskan perkauman yang lain seperti *United Malays National Organisation* (UMNO), *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Congress* (MIC). Belia dalam kalangan etnik minoriti ini mempunyai impian tersendiri untuk menyertai parti politik yang mampu memperjuangkan nasib mereka. Kebanyakan belia minoriti berminat untuk menyertai UMNO dengan 63.8 peratus kerana status UMNO sebagai ketua BN dilihat mampu memperjuangkan nasib mereka dalam sebarang perkara. Manakala sebanyak 56.8 peratus dalam kalangan belia Chetti memilih MIC sebagai wadah perjuangan politik mereka kerana mereka terpengaruh dengan kalangan ibu bapa dan saudara mara yang kebanyakan menyokong MIC

sejak dari awal lagi. Namun begitu, sebanyak 46.5 peratus belia Baba Nyonya pula menyatakan tiada parti yang menjadi pilihan mereka kerana mereka tidak minat terhadap politik kepartian secara mendalam dan tiada masa untuk memberi komitmen dalam parti politik kerana sibuk dengan pengurusan perniagaan. Parti Pakatan Rakyat pula kurang mendapat sambutan daripada belia minoriti iaitu hanya sebanyak 10.4 peratus sahaja. Hanya belia Portugis yang menunjukkan minat terhadap *Democratic Action Party* (DAP) sahaja dalam Pakatan Rakyat berikutan imej popular DAP yang beberapa kali memenangi Parlimen Kota Melaka. Kajian ini menunjukkan bahawa belia minoriti yang berlainan etnik ini lebih menyokong parti pemerintah khususnya BN dan kurang memberi sokongan kepada parti Pakatan Rakyat. Seterusnya, hasil kajian telah dijadikan sebagai ukuran dan panduan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13. Kajian ini merupakan kajian yang pertama kali dijalankan untuk mengkaji tentang belia minoriti. Ini merupakan keunikan kajian dan pada masa yang sama juga menjadi kekurangan kajian ini kerana hanya melibatkan golongan belia minoriti sahaja.

ii. Pilihan Raya dan Belia Cina

Pilihan raya umum merupakan elemen penting dalam negara Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi. Pilihan raya di Malaysia dibahagikan kepada dua iaitu pilihan raya umum dan pilihan raya kecil. Pilihan raya umum akan diadakan dalam tempoh setiap lima tahun sekali selepas pembubaran salah satu Dewan Parlimen manakala pilihan raya kecil tidak mempunyai tempoh masa yang tertentu (Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 113). Penyertaan golongan belia dalam pilihan raya umum sangat penting kerana golongan ini merupakan tunjang utama kepada kesinambungan pembangunan sesebuah negara. Terdapat banyak kajian lepas yang telah mengkaji tentang persepsi politik golongan belia terhadap isu-isu politik, parti politik dan pilihan raya umum.

Dalam artikel bertajuk Persepsi Belia Terhadap Isu Politik dan Dasar Kerajaan Malaysia oleh Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek dan Noor Aziah Hj. Mohd Awal telah menganalisis kriteria pemilihan calon dan parti politik, persepsi belia terhadap isu politik semasa dan sokongan belia terhadap kerajaan (Junaidi *et al.,* 2010: 136). Hasil kajian dalam aspek pendapat politik belia menunjukkan bahawa 71 peratus di kalangan belia menyokong peranan kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan 66.1 peratus menyatakan gagasan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Dari aspek pentadbiran awam pula, 82.3 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan dan pembaharuan yang dilakukan oleh kepemimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan belia sebanyak 73.9 peratus (Junaidi et al., 2010: 136). Artikel bertajuk Persepsi Politik dan Kepimpinan di Kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor oleh Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awang Besar menunjukkan 95 peratus responden menyokong program kerajaan dalam

memantapkan agenda pembangunan negara dan 83.2 peratus mendapati bahawa gagasan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong dan dihayati. Dari aspek pengurusan awam pula, 86.3 peratus responden menyatakan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri adalah baik dan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan (Mohd Fuad Mat Jali *et al.*, 2012: 23). Oleh itu, dapat dilihat bahawa persepsi politik golongan belia di kedua-dua kawasan kajian ini adalah sangat memberi sokongan kepada pihak kerajaan.

Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek dan Noor Aziah Hj. Mohd Awal dalam kajiannya Persepsi Politik Belia di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan telah menganalisis sokongan terhadap calon yang bertanding dan persepsi serta pola politik semasa belia (Abdul Halim Sidek *et al.*, 2010:105). Dapatan kajian menunjukkan 76 peratus responden memilih calon yang mesra rakyat dan memilih calon tempatan sebagai wakil mereka. Parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka dan berpendapat parti politik tidak boleh menyentuh isu peribadi semasa berkempen. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa konsep "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasi oleh belia (Mohd Fuad Mat Jali *et al.,* 2010:105). Kajian lepas ini mempunyai persamaan dengan kajian ini dalam mengkaji tentang persepsi politik belia terhadap kriteria pemilihan calon, parti dan pola politik belia.

Selain itu, karya Abdul Hadi Samsi, Amaludin Abdul Rahman dan Ku Hasnita Ku Samsu yang bertajuk Persepsi Belia Terhadap Parti Parti Politik Dan Tahap Penglibatan Politik di Selangor membincangkan persepsi politik belia (Abdul Hadi *et al.*, 2013:107). Kajian ini meneliti persepsi belia terhadap parti politik dan melihat sejauh mana tahap penglibatan politik belia di Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah ANOVA bagi melihat perbezaan penglibatan belia dalam politik antara kaum di Selangor. Dapatan kajian telah memaparkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan tahap penglibatan belia dalam politik antara kaum Melayu, Cina dan India ($p>0.05$), (Abdul Hadi *et al.*, 2013: 107). Kajian ini juga menunjukkan persepsi politik belia terhadap Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat berada pada tahap sederhana dan tahap penglibatan politik golongan belia adalah rendah. Hal ini berlaku disebabkan sikap golongan belia yang tidak mahu melibatkan diri dalam politik, lebih memfokuskan kepada pendidikan dan membina kerjaya masing-masing. Oleh itu, penambahan golongan belia yang keluar mengundi sebenarnya tidak menunjukkan peningkatan minat golongan ini untuk melibatkan diri dalam bidang politik secara keseluruhannya kerana masih terdapat ramai golongan belia yang bersikap tidak mahu melibatkan diri dalam politik.

Tambahan lagi, artikel bertajuk Persepsi Politik Dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menganalisis persepsi politik pengundi di Kuala Lumpur dan mempengaruhi pilihan politik mereka dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 (Junaidi *et al.*, 2014:135). Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif

dan kuantitatif untuk mendapatkan maklumat terperinci. Melalui kajian ini, didapati bahawa setiap responden mempunyai identifikasi politik yang jelas terhadap parti yang mereka sokong. Persepsi politik para responden di Kuala Lumpur adalah berbeza mengikut kaum, kelas sosial dan pendapatan. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan responden etnik Melayu dan etnik India menyokong Barisan Nasional berbanding dengan responden etnik Cina yang menyokong parti dalam Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum 2013 yang lalu.

Kajian ini menggunakan konsep budaya politik dalam menerangkan sokongan atau pilihan etnik Melayu terhadap pilihan parti Barisan Nasional. Budaya politik Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur feudal seperti sifat taat setia, akur, submisif dan dikukuhkan lagi dengan hubungan politik *patron/client* (penaung-dinaung) antara yang memerintah dengan yang diperintah yang ditunjukkan oleh rakyat sebagai balasan terima kasih. Kesemua ciri budaya politik Melayu ini mempengaruhi sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) di kawasan kajian. Politik Melayu lebih bersifat 'feudalisme' iaitu patuh dan taat kepada pemerintah dan mengekalkan 'status quo' UMNO sebagai wadah perjuangan orang Melayu di Malaysia. Ini dikuatkan lagi dengan hujah bahawa orang Melayu sebagai peribumi asal di negara ini. Teori hegemoni politik digunakan selagi UMNO dilihat sebagai parti keramat orang Melayu bertapak kukuh dalam mempertahankan hak dan kedaulatan Melayu di persada tanah air ini. Manakala etnik Cina yang dikatakan lebih memberikan sokongan mereka kepada Pakatan Rakyat (PR). Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat 80 hingga 90 peratus dalam kalangan pengundi Cina yang menyokong calon Parti Keadilan Rakyat (PKR). Politik Cina mementingkan keadilan, integriti, anti penyelewengan dan anti nepotisme dalam agihan kekayaan negara menjadi prinsip perjuangan Pakatan Rakyat dalam manifesto bersama seterusnya mendapat sokongan padu pengundi Cina. Oleh itu, kajian ini adalah menarik dalam mengkaji persepsi politik pengundi mengikut etnik serta faktor sokongan mereka terhadap parti atau calon yang dipilih. Namun begitu, kajian ini memberi perhatian pada etnik Cina untuk mendapatkan maklumat atau persepsi politik para pengundi yang lebih terperinci.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon dan Viknesh a/l Ramachandran bertajuk Persepsi Politik Belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia menggunakan kaedah soal selidik dan pemerhatian (Mohd Fuad Mat Jali *et al.,* 2012:1). Responden kajian ini melibatkan 150 orang pelajar India dari tiga buah universiti awam, iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaya. Kajian ini mendapati sokongan kaum India, khususnya belia terhadap MIC dikatakan kian merosot. Kebanyakan belia India IPTA masih menyokong parti Barisan Nasional tetapi mereka mahukan isu-isu penting dalam masyarakat India iaitu isu pendidikan di sekolah Tamil, pemberian biasiswa, isu kuota, isu agama dan isu sosio ekonomi diselesaikan oleh kepimpinan MIC sebaiknya. Hal ini menunjukkan golongan belia India mempunyai keraguan dalam memilih parti atau calon walaupun mereka menyokong Barisan Nasional tetapi

mereka mahukan parti MIC untuk memperjuangkan hak mereka. Belia India IPTA juga menyatakan hanya MIC dapat memperjuangkan hak kaum India dan mereka juga menjangkakan Barisan Nasional akan terus menang dalam pilihan raya umum yang akan datang. Kajian hanya memberikan fokus terhadap golongan belia India di IPTA Malaysia sahaja namun ini tidak dapat mewakili seluruh belia India yang berada dalam Malaysia terutamanya golongan belia India yang tidak berpendidikan. Dengan ini, kajian yang dijalankan memfokuskan pada pengundi terutamanya belia Cina bandar yang terlibat dalam Pilihan Raya Umum 2013.

Mengikut kajian bertajuk Pola Politik Kaum Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Kajian kes Negeri Selangor yang ditulis oleh Junaidi Awang Besar dan rakan-rakan, kajian menganalisis pola kaum dalam pengundian pada PRU-13 di negeri Selangor. Hasil kajian ini menunjukkan pengundi di kawasan bandar cenderung menyokong PR berbanding pengundi di luar bandar yang terus setia bersama BN. Sebanyak 87 peratus pengundi Cina dan 57 peratus pengundi India menyokong PR berbanding 63 peratus pengundi Melayu yang lebih mempercayai BN/UMNO (Junaidi *et al*., 2015:99). Perubahan tingkah laku politik berlaku atas faktor kepimpinan negara, akibat peningkatan akses pengundi bandar terhadap media alternatif, isu politik sivil, peningkatan kos sara hidup di bandar, kemerosotan ekonomi dan peningkatan kes jenayah mengikut hasil kajian ini (Junaidi *et al.,* 2015:108). Kajian ini agak semirip dengan kajian ini dari segi lokasi-Selangor dan pilihan raya umum yang dikaji iaitu PRU-13.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas telah membekalkan banyak maklumat yang berguna dalam kajian ini. Ketiga-tiga elemen iaitu peranan media, persepsi politik dan partisipasi politik merupakan elemen yang saling berkait rapat. Apabila peranan media dijalankan dengan telus, masyarakat dapat meningkatkan pengetahuan dan persepsi politik mereka dan secara tidak langsung partisipasi politik turut meningkat. Justeru itu, peranan media massa dalam mempengaruhi fikiran masyarakat terutama dari segi pengetahuan politik rakyat yang membawa kepada partisipasi politik rakyat memang tidak dapat disangkal lagi. Dengan itu, kajian dijalankan untuk mengkaji hubunagn antara ketiga-tiga elemen yang disebutkan di atas.

Perbincangan Teoritikal dan Konseptual

A. Partisipasi Politik

Artikel "Partisipasi Politik Belia Secara 'Online' Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru" yang ditulis oleh Fatimah Akmal & Ali Salman telah membincangkan konsep partisipasi politik (Fatimah & Ali, 2015:81). Kajian ini mengkaji hubungan antara penggunaan media baru dan kebebasan pengguna untuk berkongsi pendapat dengan partisipasi politik belia bandar. Holt *et al.,* (2013:11) dalam kajian ini menyatakan bahawa partisipasi politik merujuk kepada komponen tingkah laku dalam penglibatan politik sebagai aktiviti yang mempunyai tujuan dan memberi kesan dalam mempengaruhi tindakan kerajaan. Partisipasi politik dibahagikan kepada dua iaitu partisipasi politik secara langsung atau tidak langsung.

Partisipasi politik secara langsung merupakan penglibatan pengundi dalam pilihan raya umum untuk mengundi yang membawa kesan dalam penggubalan atau pelaksana dasar awam. Manakala partisipasi politik secara tidak langsung adalah seperti menyuarakan pendapat melalui media massa yang tidak mampu membawa kesan langsung dalam pelaksana dasar awam.

Dalam karya ini juga, Towner (2013:530) juga mendefinisikan partisipasi politik sebagai keupayaan untuk menyuarakan pendapat politik sama ada secara dalam talian (online) atau secara luar talian (offline). Partisipasi politik secara *online* adalah seperti menghantar emel politik, posting komen politik di blog dan mengikuti perkembangan ahli politik di media sosial. Manakala partisipasi politik secara offline ialah penglibatan seseorang dalam proses atau aktiviti politik seperti menghadiri perhimpunan, menderma kepada calon yang bertanding, bercakap tentang isu atau parti politik dan sebagainya (Fatimah & Ali, 2015: 85).

Kajian ini menerangkan tentang partisipasi politik golongan belia secara *online* atau *offline*. Manakala kajian yang dijalankan adalah lebih fokus kepada partisipasi politik pengundi Cina bandar yang membawa perubahan dalam teori hegemoni politik kepada kontra hegemoni.

Selain itu, kajian bertajuk Persepsi Politik Dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditulis oleh Junaidi Awang Besar dan rakannya juga membincangkan tentang partisipasi politik dengan lebih jelas. Dalam karya ini, beberapa sarjana telah memberikan tafsiran yang berbeza terhadap partisipasi politik (Junaidi et al., 2014:135). Menurut Milbrath (1965) dalam kajian ini, partisipasi politik dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu *apathetics*, *spectators* dan *gladiators* (Milbrath, 1965:17-18). Bahagian *apathetics* dikenali sebagai mereka yang menarik diri daripada aktiviti politik; kumpulan *spectators* merupakan mereka yang terlibat dalam politik pada kadar yang minimum manakala *gladiators* ialah kumpulan yang selalu terlibat dalam bidang politik secara aktif.

Tafsiran ini agak sesuai untuk masyarakat pada hari ini kerana ketiga-tiga kumpulan ini kekal wujud di Malaysia. Ini dapat dijelaskan dengan merujuk kepada partisipasi politik rakyat dalam pilihan raya umum yang lalu di mana terdapat dalam kalangan mereka yang tidak pernah mengambil peranan dalam mendaftar sebagai pengundi dan tidak pernah menghadiri sebarang aktiviti politik; ataupun mereka yang menghadiri penghimpunan sekali-sekala; kumpulan yang bergiat aktif dalam bidang politik dengan menghadiri kesemua aktiviti politik, menghadirkan diri untuk mengundi bagi membawa pengaruh dalam keputusan pemerintah. Tafsiran ini dianggap agak menarik kerana pembahagian tiga bahagian ini dapat menunjukkan perubahan partisipasi politik seseorang daripada bahagian *apathetics* hingga ke *gladiators*. Kajian yang dijalankan menggunakan tafsiran ini dalam mengkaji perubahan partisipasi politik pengundi Cina bandar daripada tahap di mana mereka tidak ingin terlibat langsung dalam politik sehinggalah mereka menunjukkan semangat yang kuat dan aktif dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Dalam kajian ini juga, sarjana yang bernama Marsh pula mentafsirkan partisipasi politik dengan menggunakan 5 kategori iaitu *inactives*, *conformists*, *reformists*, *activists* dan *protesters* yang dikenali sebagai *Political Action Repertory Typology* (Kaase & Marsh, 1979:164). Kategori pertama iaitu *inactives* ialah individu yang hanya mengikuti perkembangan politik melalui media; *conformists* pula hanya bercakap tentang politik tetapi tidak melibatkan diri dalam bidang politik. Kategori *reformists* pula ialah tindakan individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik konvensional yang sah manakala *activists* pula melibatkan diri dalam aktiviti politik konvensional dan tidak konvensional sama ada secara sah atau tidak. *Protesters* lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti tidak konvensional sama ada sah atau tidak. Tafsiran ini dianggap agak jelas namun terlalu luas pembahagiannya tetapi tidak digunakan dalam kajian. Ini disebabkan pengkaji berasa bahawa tafsiran Milbrath yang disebut di atas lebih relevan untuk digunakan dalam melihat perubahan partisipasi politik pengundi Cina bandar seperti yang dijelaskan pada perenggan atas.

Kesimpulannya, partisipasi politik bertujuan untuk mempengaruhi keputusan pemerintah yang akan memberi kesan kepada kehidupan masyarakat. Peningkatan partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam PRU-13 yang memberi sokongan kepada parti pembangkang telah mengejutkan pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan. Oleh itu, kajian telah dijalankan untuk mengetahui faktor yang mendorong perkara ini berlaku dan impaknya terhadap pihak pemerintah serta masyarakat Malaysia.

ANALISIS KAJIAN

Pengenalan

Kajian ini merupakan kajian kes bagi melihat partisipasi politik pengundi Cina di kawasan bandar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 yang terlibat khususnya Bandar Chempaka, Selangor di samping melihat kebebasan dan peranan media massa dalam mempengaruhi partisipasi politik mereka. Seterusnya, persepsi politik pengundi Cina bandar terhadap isu-isu politik dan parti politik yang bertanding turut diberikan penekanan dalam kajian ini untuk mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi keputusan mereka dalam partisipasi politik. Sampel kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah sampel bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan bagi memilih responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai subjek kajian. Antara ciri-ciri responden yang dipilih dalam kajian ini ialah mesti terdiri daripada rakyat Malaysia yang berbangsa Cina serta berumur 21 tahun hingga 40 tahun iaitu mereka yang berhak untuk mendaftar sebagai pengundi. Tambahan lagi, seseorang yang berbangsa Cina itu mestilah yang tinggal di bandar. Oleh itu, hanya individu yang mempunyai ciri-ciri ini dipilih sebagai sampel kajian untuk ditemu bual. Maklumat yang diperolehi melalui temu bual dijadikan sebagai sumber sokongan dalam kajian ini dan dianalisiskan mengikut dua tema iaitu peranan media massa dan persepsi politik. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah

kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual semi-berstruktur.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Jamaie Hj Hamil dan rakan-rakannya dalam tajuk Ikhtisar analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia, menyatakan bahawa Pilihan Raya Umum Ke-13 memperlihatkan kebangkitan generasi muda dalam menuntut peralihan tampuk pemerintahan yang selama ini diterajui oleh Barisan Nasional (Jamaie *et al.*, 2014:39). Generasi muda mahukan satu perubahan di mana sebuah kerajaan baru selain daripada parti Barisan Nasional. Dengan itu, generasi muda di bandar lebih cenderung mengundi kepada parti pembangkang khususnya Pakatan Rakyat kerana mereka percaya bahawa Pakatan Rakyat dapat menjadi kerajaan alternatif di peringkat negeri dan pusat bagi memperjuangkan hak mereka, memberikan keadilan sosial, ekonomi dan politik yang menyeluruh tanpa mementingkan sesuatu kaum sahaja (Junaidi et al., 2012:39).

Menurut *Sinar Online*, 6 Mei 2013 yang bertajuk SPR: 84.84 peratus mengundi pada PRU13, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan bahawa 84.84 peratus atau 11,257,147 daripada jumlah 12,268,002 orang pengundi berdaftar keluar mengundi bagi 222 kerusi Dewan Rakyat (Parlimen) pada Pilihan Raya Umum ke-13. Peratusan yang tinggi ini telah menjadi satu sejarah Pilihan Raya di Malaysia di mana pilihan raya ini mencatatkan jumlah keluar mengundi yang paling tinggi. Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya, Datuk Kamaruddin Mohamed Baria berkata bagi 505 kerusi Dewan Undangan Negeri, jumlah yang keluar mengundi ialah 9,742,254 orang iaitu sebanyak 85.83 peratus. Beliau juga berkata berdasarkan daftar pemilih yang diwartakan untuk PRU-13, pengundi biasa terdiri daripada 12,885,434 orang daripada jumlah sebanyak 13,268,002 orang pemilih berdaftar. Manakala pengundi pos adalah seramai 146,742 orang dan pengundi awal seramai 235,826 orang.

Jadual 1: Perbandingan Bilangan Kerusi Dalam PRU 2008 dan PRU 2013

	Pilihan Raya 2008	**Pilihan Raya 2013**
Parlimen		
Barisan Nasional	140	133
Pakatan Rakyat	82	89
Dewan Undangan Negeri		
Barisan Nasional	415	344
Pakatan Rakyat	159	230
Undi Keseluruhan		
Barisan Nasional	4.0 Juta Undi	5.2 Juta Undi
Pakatan Rakyat	3.7 Juta Undi	5.5 Juta Undi

(**Sumber:** Diubahsuai; spr.gov.my (2008), spr.gov.my (2013)

Jadual 1 telah menunjukkan perbandingan bilangan kerusi dalam Pilihan

Raya Umum Ke-12 (PRU-12) dan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13). Walaupun tampuk pemerintahan masih kekal pada tangan Barisan Nasional selepas PRU-13, namun analisis keputusan tetap menunjukkan Barisan Nasional gagal mendapat majoriti 2/3 kerusi Parlimen. Jika dibandingkan dengan PRU-12, jumlah kerusi Parlimen yang dikuasai oleh Barisan Nasional adalah sebanyak 140 kerusi berbanding dengan PRU-13 yang hanya 133 kerusi Parlimen. Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional telah kehilangan sebanyak tujuh kerusi dalam PRU-13. Namun begitu, parti Barisan Nasional tetap menguasai lebih 44 kerusi Parlimen daripada parti pembangkang dalam PRU-13. Pakatan Rakyat telah berjaya menguasai sebanyak 89 kerusi dalam PRU-13 iaitu peningkatan sebanyak tujuh kerusi Parlimen yang dimenangi berbanding pada tahun 2008. Dari segi undi keseluruhan pula, di dapati bahawa jumlah pengundi yang mengundi Pakatan Rakyat adalah sangat tinggi iaitu sebanyak 5.5 juta undi. Walau bagaimanapun, tampuk pemerintahan tetap berada di tangan Barisan Nasional dan didapati Barisan Nasional masih dominan di kawasan luar bandar, terutamanya apabila kawasan Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjong Karang, Hulu Selangor dan Kuala Selangor dimenangi oleh parti BN. Namun begitu, keadaan penurunan penguasaan jumlah kerusi di kedua-dua perwakilan Barisan Nasional menunjukkan bahawa semakin ramai rakyat Malaysia khususnya masyarakat Cina lebih cenderung untuk memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat. Situasi ini dapat diterangkan melalui kajian Pilihan Raya Kecil di DUN Tenang, Johor yang dilakukan oleh Junaidi Awang Besar dan rakan beliau yang menyatakan bahawa kawasan yang majoritinya pengundi etnik Cina memihak kepada parti pembangkang/PAS; namun kawasan majoriti Melayu terus didominasi UMNO/BN. Kajian ini turut menyatakan sokongan etnik Cina menjadi penentu dalam mempengaruhi naik turun undi popular Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil ini (Junaidi et al., 2012:39). Salah satu faktor yang menyebabkan pengundi Cina ini berpihak kepada parti pembangkang ialah kegagalan pemimpin MCA dalam memperjuangkan hak orang Cina. Dalam kajian 'Realignment' Pengundi Cina dalam PRU Ke-13, 2013 yang dilakukan oleh Mohd Fuad Mat Jali dan rakan-rakan beliau, Mohd Hasbie (2013) dalam kajian PRU-13 menyatakan penolakan mutlak pengundi Cina seterusnya membawa kepada kegagalan parti-parti Cina dalam BN berpunca daripada pelbagai isu yang dikaitkan dengan kerajaan dan pemimpin BN termasuk MCA. Antaranya termasuklah kes penyelewengan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), kematian Teoh Beng Hock, Kilang Lynas, isu perkauman dan pelbagai lagi. Kewibawaan pemimpin MCA juga tercalar teruk akibat terbongkarnya skandal seks yang melibatkan Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek pada tahun 2008 selaku Pengerusi MCA Negeri Johor pada masa itu (Mohd Fuad Mat Jali *et. al*., 2014:58).

Selain itu, menurut Sinar Harian pada 22 Mei 2013, telah melaporkan bahawa kebanyakan kawasan yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat lebih tertumpu pada kawasan bandar dan separa bandar di mana ia merupakan kawasan tertumpunya masyarakat Cina. Pakatan Rakyat dikatakan mendapat banyak sokongan daripada pengundi Cina dalam PRU-13 dan hasil ini disesuaikan dengan kajian yang dijalankan oleh Junaidi Awang Besar dan rakan-rakan beliau yang mendapati trend pengundian Pakatan Rakyat sehingga tahun 2011 dalam setiap Pilihan Raya Kecil amat bergantung kepada undi

kaum Cina (Junaidi *et al.,* 2011:39). Terdapat juga beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kaum Cina berkecenderungan mengundi calon-calon daripada parti oposisi seperti dalam kajian Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar', Pola politik kaum dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Kajian kes Negeri Selangor dan kajian-kajian lain lagi. Dengan itu, partisipasi politik pengundi Cina bandar dibincangkan dalam topik yang seterusnya.

Partisipasi Politik

Partisipasi politik pengundi Cina menjadi fokus penting untuk melihat setakat mana penglibatan masyarakat Cina terutamanya golongan belia yang majoritinya tinggal di bandar dalam mempengaruhi keputusan politik baik secara langsung atau tidak langsung. Tambahan lagi, Pilihan Raya Umum ke-12 yang sering disebutkan sebagai Tsunami Politik ataupun gelaran seperti Tsunami Cina dalam beberapa kajian lepas telah menyebabkan partisipasi politik pengundi Cina bandar dalam Pilihan Raya Umum ke-13 turut diberikan perhatian. Keadaan ini dapat diperhatikan dengan lebih terperinci di negeri Selangor yang majoritinya penduduk kaum Cina. Kajian "Pola Politk Kaum dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Kajian kes Negeri Selangor", telah menyatakan bahawa majoriti etnik Cina yang tinggal di kawasan bandar telah menolak Barisan Nasional dan beralih kepada parti Pakatan Rakyat sejak PRU-12 (2008) lagi (Junaidi *et al.*, 2015:102).

Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 telahpun menunjukkan bahawa parti pembangkang mendapat lebih banyak sokongan daripada pengundi Cina berbanding tahun-tahun yang lepas. Ini bermaksud bahawa partisipasi politik pengundi Cina bandar telah meningkat berbanding dengan pilihan raya umum yang lalu. Menurut kajian 'Realignment' Pengundi Cina dalam PRU-13, 2013 yang menunjukkan peningkatan sokongan pengundi Cina kepada Pakatan Rakyat. Kajian ini menerangkan hasil daripada sebuah kajian yang dijalankan oleh badan penyelidikan NGO iaitu Centre of Strategic Engagement (CENSE) menunjukkan parti-parti pembangkang pada PRU-11 mendapat hanya 35 peratus undi kaum Cina, meningkat kepada 65 peratus ke 70 peratus pada PRU-12 seterusnya melonjak mendadak kepada 87 peratus pada PRU-13 (Mohd Fuad Mat Jali *et. al.*, 2014:54). Dengan itu, partisipasi politik pengundi Cina yang terdapat di bandar Selangor telah diberikan penekanan dan bandar Chempaka yang menunjukkan peningkatan partisipasi politik yang paling ketara dijadikan sebagai tumpuan kajian ini.

Jadual 2: Data Keputusan PRU Selangor Mengikut DUN Dan Parlimen

Selangor	**2013**	**2008**	**2014**	**1999**	**2013**	**2008**	**2004**	**1999**
	DUN	DUN	DUN	DUN	Parlimen	Parlimen	Parlimen	Parlimen
BN	12	20	54	42	5	5	22	17
PR	44	36	2	6	17	17	-	-
Jumlah	56	56	56	48	22	22	22	17

(**Sumber:** Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia 2004-2013)

Jadual 2 menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat telah mula mengambil alih negeri Selangor daripada pemerintahan Barisan Nasional sejak tahun 2008 apabila majoriti kerusi DUN dan Parlimen dikuasai oleh Pakatan Rakyat dalam pilihan raya umum. Keadaan ini berlarutan sehingga tahun 2013 selama dua penggal berturut-turut. Kajian Pola Politik Kaum dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Kajian Kes Negeri Selangor mengatakan bahawa Menteri Besar pada tahun 2008 hingga 2014 iaitu Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim manakala dari tahun 2014 hingga tahun 2015 ialah Yang Amat Berhormat Tuan Azmin Ali. Kedua-dua mereka asalnya daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), parti Pakatan Rakyat (PR), dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Junaidi *et al.,* 2015:105). Yang Amat Berhormat Tuan Azmin Ali merupakan ahli yang terawal menganggotai Parti Keadilan Rakyat dan beliau pernah dilantik sebagai Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat pada 2001. Dengan itu, pengaruh PKR dan Pakatan Rakyat dikatakan kuat di negeri Selangor dengan kepemimpinan Menteri Besar yang telah banyak berpengalaman dalam politik.

56 Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri Selangor yang dimenangi oleh parti-parti kerajaan, pembangkang dan juga parti bebas. Kawasan-kawasan DUN ini diwarnai dengan warna yang berbeza di mana warna jingga menunjukkan kawasan yang dimenangi oleh kerajaan khususnya BN; warna biru untuk parti pembangkang; manakala warna kelabu iaitu DUN N46 merupakan kawasan parti bebas. Kotak yang terdapat dalam rajah pula menunjukkan gambar Yang Berhormat Dato' Iskandar bin Abdul Samad dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang memenangi kawasan DUN Chempaka (N21) iaitu kawasan kajian ini. Menurut kajian Pola Politik kaum dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Kajian Kes Negeri Selangor, didapati bahawa konsentrasi dan segregasi etnik di kawasan tertentu seperti di bandar, pinggir bandar dan luar bandar mampu memberi kesan terhadap pola pengundian dalam pilihan raya umum di negeri Selangor (Junaidi *et al*., 2015:105). Hal ini turut dapat dilihat melalui rajah 2 di atas di mana penduduk di kawasan bandar cenderung mengundi parti pembangkang dan penduduk kawasan luar bandar cenderung mengundi Barisan Nasional.

Jadual 3: Perbandingan Antara PRU-12 Dengan PRU-13 Dari Segi Komposisi Etnik Pengundi Dan Jumlah Undi Yang Diterima Oleh BN Dan Pakatan Parti Pembangkang.

Nama Dun	Pilihan Raya Umum 2008					Pilihan Raya Umum 2013				
	Melayu	Cina	India	BN	Parti Pembangkang	Melayu	Cina	India	BN	Parti Pembangkang
Gombak Setia	80.3	10.9	8.2	11594	14391	76.7	11.7	9.2	19076	20757
Hulu Kelang	81.3	14.8	3.4	13270	15404	80.4	14.3	4.1	18429	21310
Bkt. Antarabangsa	57.4	37.0	4.8	10350	11731	56.7	35.7	5.6	12458	16502
Lembah Jaya	55.3	31.9	12.2	12954	15182	54.3	31.9	12.7	16472	25185
Chempaka	58.4	35.5	5.5	11480	12528	34.8	58.6	5.9	13509	23117

Teratai	39.5	55.3	4.7	7478	15563	34.8	58.6	7.3	9932	23578
Dusun Tua	57.4	35.1	6.6	13542	11579	53.3	37.4	6.9	18090	22161
Semenyih	53.7	28.8	17.1	11588	10448	56.1	25.2	17.2	17616	13471
Kajang	46.6	44.1	8.7	9952	13220	48.5	40.5	10.2	12747	19571
Bangi	64.5	21.2	13.8	11009	17201	66.7	19.0	13.5	17362	29200
Balakong	33.0	56.4	10.2	8540	13535	33.5	55.4	10.3	11584	25126
Seri Kembangan	7.0	84.6	8.0	8597	15841	7.7	83.5	8.4	5328	27406
Seri Serdang	52.1	31.6	16.1	18932	18887	46.1	36.1	16.5	23486	39737
Kinrara	27.2	58.3	14.0	7251	12990	25.1	59.2	14.6	7729	22333
Subang Jaya	32.0	56.3	9.8	9608	23459	29.2	56.8	11.9	12690	39973
Seri Setia	54.4	16.3	28.3	10975	13838	51.6	18.2	29.0	14029	18692
Tmn. Medan	60.9	21.7	16.3	12370	16803	60.8	20.3	17.9	16747	20478
Bkt. Gasing	13.9	71.1	12.3	6923	15735	13.5	69.1	14.6	5326	21168
Kg. Tunku	20.7	67.2	10.0	6656	14633	20.0	66.8	11.5	6077	19762
Damansara Utama	11.9	82.9	4.1	9526	24881	10.7	83.4	4.9	6614	37303
Bkt. Lanjan	31.8	52.8	14.7	6970	12125	28.2	56.7	13.4	8608	25808
Paya Jaras	60.0	27.3	12.2	11521	10879	57.0	30.4	11.4	16286	21808
Kota Damansara	55.8	29.8	13.8	10771	11846	56.1	28.9	13.3	16387	14860
Kota Anggerik	68.3	17.0	13.4	13538	15758	70.0	17.0	11.9	21758	26261
Batu Tiga	69.3	13.5	16.8	12289	15852	70.0	12.4	17.0	17479	21284
Meru	60.3	27.5	12.0	9313	14826	60.2	27.0	12.4	13007	22086
Sementa	48.5	27.0	24.3	MTV		45.6	28.1	25.7	13674	21520
Sg. Pinang	28.2	66.4	4.8	5495	12856	31.0	62.6	5.9	6055	17364
Selat Klang	64.4	26.0	9.3	9978	11437	63.9	25.0	10.4	14331	17085
Pelabuhan Klang	55.2	27.1	17.4	7990	12397	51.8	28.4	18.4	15597	18591
Pandamaran	24.6	59.2	15.3	7149	12547	23.6	59.0	16.2	7135	16311
Kota Alam Shah	17.1	58.1	23.3	5515	12699	16.1	56.9	25.2	5602	18971
Seri Andalas	42.9	23.3	33.0	10055	20528	39.5	24.1	35.5	15858	31491
Sri Muda	53.5	23.0	22.7	9988	15962	50.5	25.6	22.5	14978	27488
Sijangkang	66.5	15.2	18.3	7968	10049	60.1	15.1	16.5	11896	14838
Telok Datok	33.2	44.6	22.0	6886	7584	30.8	44.8	20.2	7763	13155
Morib	61.0	22.7	16.2	10116	9830	61.3	21.8	15.6	14250	15016
Tg. Sepat	57.0	28.0	14.9	8297	5923	55.7	28.1	13.2	9447	10129
Dengkil	72.1	10.4	17.3	11838	8471	69.4	12.0	14.6	17801	15484
Sg. Pelek	40.7	37.5	21.6	7053	5481	45.8	32.8	20.6	9025	10997

(**Sumber:** News Straits Times 10 Mac 2008 dan Berita Harian 7 Mei 2013)

Jadual 3 menunjukkan perbandingan antara PRU-12 dengan PRU-13 dari segi komposisi etnik pengundi dan jumlah undi yang diterima oleh BN dan parti Pakatan Rakyat. Antara contoh bandar yang berlaku peningkatan pengundian pengundi Cina kepada parti pembangkang adalah seperti bandar Gombak Setia, Dusun Tua, Teratai, Damansara Utama, Pelabuhan Klang dan sebagainya. Namun begitu, bandar yang menunjukkan peningkatan pengundian pengundi Cina kepada

parti pembangkang yang tertinggi adalah bandar Chempaka iaitu daripada 12 528 orang yang mengundi parti pembangkang dalam PRU-12 meningkat kepada 23 117 orang iaitu peningkatan sebanyak 45.8 peratus dalam PRU-13. Perkara yang menarik ialah pengundi-pengundi Cina di bandar Chempaka lebih cenderung dalam mengundi Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Keadaan ini menunjukkan bahawa partisipasi politik pengundi Cina di bandar Chempaka adalah sangat aktif dan mereka mengundi berdasarkan parti dan bukannya berdasarkan kepimpinan calon.

Peranan Media

Media massa memainkan peranan yang amat penting dalam membekalkan pelbagai maklumat kepada masyarakat sejak masa dahulu lagi. Pada zaman dulu, semua orang bergantung kepada media perdana sahaja untuk mendapatkan berita. Mereka lebih bergantung pada media cetak seperti akhbar, buku dan media elektronik khususnya radio dan televisyen. Setiap berita yang disampaikan adalah berdasarkan fakta. Namun pada masa kini, wujud media baru iaitu penggunaan internet yang menjadi semakin penting dalam kehidupan manusia. Penggunaan internet menjadi lebih berleluasa apabila wujud penggunaan *Facebook* sebagai medium untuk mendapatkan maklumat atau berita yang lebih pantas berbanding surat khabar namun kesahihan maklumat yang diberikan adalah tidak dapat ditentukan. Internet menyediakan satu ruang siber bagi membolehkan masyarakat menyuarakan pendapat mereka secara bebas. Partisipasi politik masyarakat turut ditingkatkan apabila ruang bersuara diperluaskan. Kenyataan ini dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Fuad Mat Jali dan rakan-rakan beliau dalam kajian Akses Kepada Internet dan Kesannya terhadap Partisipasi Politik Penduduk di Negeri Johor. Kajian ini menyatakan bahawa akses dan penggunaan internet terbukti telah mempengaruhi sokongan pengundi muda, terutama di kawasan bandar serta memberi impak yang signifikan terhadap keputusan pilihan raya umum 2008 (Mohd Fuad et al., 2012:76).

Di samping itu, manifesto, kempen dan ideologi parti turut mempengaruhi keputusan pengundi Cina bandar dalam partisipasi politik. Sebagai contoh, di dapati bahawa pelancaran Sasaran Lima Tahun Manifesto DUN Chempaka 2013 hingga 2018 turut akan dilaksanakan oleh penyandang DUN Chempaka, Iskandar Abdul Samad sekiranya beliau diberikan mandat untuk terus berkhidmat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Antara manifesto yang terkandung dalam sasaran ini termasuklah Manifesto Chempaka Janjikan Rumah Mampu Milik, Fasiliti Sukan, Program Warga Emas yang dikatakan amat memenuhi kehendak rakyat. Tambahan lagi, manifesto berkenaan adalah ditawarkan khusus untuk pengundi dan penduduk Chempaka selain Pakatan Rakyat dan kerajaan negeri. Iskandar Abdul Samad turut dikatakan bahawa beliau telah berjaya melaksanakan sebahagian sasaran daripada manifesto yang telah dijanjikan sepanjang pemerintahan beliau di Chempaka dalam lima tahun yang lepas dan keadaan ini turut menyakinkan para penduduk Chempaka untuk terus mengundi dan menyokong beliau dalam PRU-13.

Dengan itu, analisis data bahagian ini turut melihat sejauh manakah pandangan responden kajian terhadap peranan media dan kesan kebebasan media

yang semakin berleluasa dalam mempengaruhi partisipasi politik mereka dalam pilihan raya umum.

Menurut pandangan daripada responden A, beliau banyak mendapat maklumat menerusi media massa terutamanya daripada surat khabar dan televisyen. Beliau mengatakan bahawa terdapat sesetengah surat khabar yang memainkan peranan menyokong kepada parti-parti tertentu. Dengan itu, apabila masyarakat membaca surat khabar yang memihak kepada parti tertentu dengan menyatakan segala kebaikan parti tersebut, maka keadaan ini mampu mengubah fikiran masyarakat yang tidak menerima maklumat dari saluran lain untuk menyokong parti tersebut. Sebagai contoh, beliau memberikan contoh bahawa surat khabar Nan Yang yang berpihak kepada parti pembangkang akan lebih mengutamakan kebaikan parti tersebut berbanding dengan keburukannya. Dengan itu, masyarakat akan mudah terpengaruh dengan peranan media yang menyampaikan maklumat mengenai kepentingan pihak-pihak tertentu sahaja.

Manakala pandangan daripada responden B pula agak sama dengan jawapan yang diberikan oleh responden A. Beliau berasa bahawa media sosial memainkan peranan yang amat penting dalam mempengaruhi penglibatan individu dalam politik dan ia turut mampu mempengaruhi keputusan mengundi seseorang individu. Beliau mengatakan bahawa masyarakat kini amat bergantung kepada media sosial untuk mendapatkan maklumat terkini. Beliau mengatakan bahawa kempen-kempen meraih undi rakyat yang sering dijalankan sebelum pilihan raya umum mampu memenangi hati rakyat dengan mendapatkan kepercayaan rakyat. Bahasa-bahasa dan isu-isu yang diketarakan turut mampu mengubah fikiran rakyat untuk mengundi atau di sebaliknya.

Selain itu, responden C pula berkata bahawa media massa mampu mempengaruhi persepsi politik seseorang individu terhadap pemerintah ataupun imej sesebuah parti. Beliau berkata bahawa media kini agak berlainan dengan media dahulu di mana media kini kian sebarkan maklumat yang mampu memburukkan pihak lain demi kepentingan pihak tertentu. Menurut contoh yang diberikan oleh beliau ialah apabila Malaysia Kini, Malaysia Insider atau medium seperti *Facebook* yang berpihak kepada parti tertentu melaporkan rahsia atau perkara buruk yang dilakukan oleh sesebuah parti atau pemimpin yang kemungkinannya tidak sah, akan menyebabkan rakyat yang membaca berasa lebih benci atau tidak suka terhadap parti tersebut dan secara tidak langsung mereka tidak akan membuang undi kepada parti atau pemimpin tersebut. Beliau bertambah, sekiranya sistem transparensi diamalkan, maka peluang untuk membocor rahsia melalui media alternatif akan berkurang dan dapat mengurangkan persepsi buruk terhadap pihak tertentu.

Tambahan lagi, responden D juga mengatakan bahawa media massa sudah tentu dapat mempengaruhi persepsi politik seseorang dan memberikan pengetahuan politik kepadanya. Beliau mengatakan bahawa parti Pakatan Rakyat yang giat menggunakan media seperti facebook, blog, kempen untuk mempengaruhi fikiran

rakyat telah mendapat banyak sokongan daripada pengundi. Menurut beliau, beliau mengatakan bahawa slogan-slogan yang digunakan oleh parti pembangkang dalam kempen seperti slogan "Ubah" dan "Ini kalilah" banyak mengubah fikiran rakyat dan seterusnya mempengaruhi partisipasi politik mereka.

Persepsi Politik

Persepsi politik rakyat terhadap pemimpin, parti-parti politik dan isu-isu politik dalam sesebuah negara adalah amat penting bagi menentukan keputusan dalam sesebuah pilihan raya umum terutamanya negara yang mengamalkan amalan demokrasi seperti negara Malaysia. Dalam menjalankan kajian ini, kaedah temu bual telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat tambahan yang lebih jelas dan tepat daripada responden-responden yang dipilih sebagai sumber sokongan kajian ini.

Menurut persepsi politik daripada responden A, beliau merupakan seorang belia yang berumur 26 tahun. Walaupun beliau telah berumur 23 tahun pada tahun 2013, namun begitu beliau tidak pernah membuang undi lagi dalam pilihan raya umum dan juga belum lagi berdaftar sebagai pengundi. Pada pendapat beliau, beliau berasa bahawa parti politik yang menguasai negara kita khususnya Barisan Nasional semakin merosot. Beliau mengatakan bahawa parti politik sering mempergunakan isu bangsa dan kebajikan rakyat sebagai tipu muslihat dalam memenangi hati rakyat. Kebanyakan janji tidak dapat ditunaikan oleh kerajaan selepas rakyat menyokong mereka dalam pilihan raya umum. Namun begitu, beliau berasa bahawa tidak ada satu parti politik lain yang mampu membawa perubahan yang lebih baik kerana beliau berasa parti politik lain seperti Pakatan Rakyat terdiri daripada golongan muda yang tidak cukup matang untuk menguasai negara. Beliau berasa tidak terjamin kerana sokongan kepada mana-mana pihak tidak mampu membawa kepada sebarang perubahan yang lebih baik kepada negara. Keadaan ini juga telah menyebabkan beliau tidak ingin mendaftar sebagai pengundi sehingga kini. Beliau berasa bahawa sesetengah belia Cina mula mengundi parti pembangkang khususnya Pakatan Rakyat sebagai percubaan untuk mengharapkan perubahan.

Responden B merupakan seorang yang berumur 23 tahun kini. Walaupun beliau tidak pernah mengundi lagi dalam pilihan raya umum atas sebab belum mencapai umur 21 tahun semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 dijalankan, namun beliau telah mendaftar sebagai pengundi apabila mencapai umur 21 tahun dan bersedia untuk mengundi demi kesejahteraan negara. Beliau mengatakan bahawa isu-isu perkauman merupakan isu yang sering diperdebatkan semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 oleh ahli-ahli politik. Pada pendapat beliau, beliau mengatakan bahawa kerajaan tidak memberikan kebebasan seperti mana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan ini menyebabkan kehidupan rakyat sentiasa berada dalam ketakutan.

Selain itu, responden C pula merupakan seorang belia yang berumur 24 tahun. Beliau tidak sampai umur lagi untuk mengundi pada tahun 2013 tetapi beliau

telahpun mendaftar sebagai pengundi untuk membuang undi pada pilihan raya umum yang akan datang. Beliau mengatakan bahawa banyak isu yang diutarakan semasa pilihan raya umum ke-13 ingin dijalankan. Antaranya termasuklah isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), isu Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH), isu pertahanan politik dan sebagainya. Beliau mengatakan bahawa isu korupsi di negara Malaysia tidak transparen, pemimpin perlu menyertakan ketelusan pendapat yang diterima untuk membuktikan kepada rakyat bahawa isu korupsi memang tidak berlaku di negara ini. Jika ini dilakukan, maka rakyat tidak dapat mengkritik kerajaan atau memburukkan nama negara dengan menggunakan isu korupsi ini. Beliau berasa bahawa golongan belia yang terlibat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah agak banyak berbanding dengan tahun-tahun yang lepas menurut pembacaan beliau.

Tambahan lagi, terdapat pula responden D yang mengatakan bahawa respon belia Cina terhadap PRU-13 adalah amat baik terutamanya belia yang merupakan pengundi kali pertama menurut pemerhatian beliau semasa menyertai dalam PRU-13 untuk mengundi. Beliau juga mengatakan bahawa terdapat di kalangan mereka yang menyeru rakan-rakan dari luar negeri mahupun luar negara untuk balik mengundi. Responden ini mengatakan bahawa isu-isu nasional terutamanya isu yang melibatkan korupsi dan skandal kerajaan, sama ada penyalahgunaan wang ataupun kuasa dipermainkan. Pada masa itu juga, mereka berasa bahawa Pakatan Rakyat merupakan parti alternatif bagi menggantikan kerajaan BN melalui pelbagai propaganda dan kempen-kempen PRU-13. Persepsi politik responden D terhadap kerajaan adalah beliau tidak yakin terhadap kredibiliti Barisan Nasional atas banyak isu-isu nasional yang tidak dapat dijawab dengan jelas kepada rakyatnya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, media massa seperti kempen, ideologi, manifesto dan blog-blog parti memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi fikiran masyarakat. Aplikasi ruang siber melalui penggunaan media alternatif seperti blog, emel, *Youtube*, *Facebook* dan *Twitter* telah memperluas ruang bersuara masyarakat dan secara tidak langsung meningkatkan partisipasi politik pengundi. Rakyat semakin berani untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dengan menggunakan ruang siber yang disediakan. Tindakan sesetengah pihak yang sengaja memburukkan pihak lain dengan menyebarkan rahsia-rahsia atau keburukan parti tertentu turut mempengaruhi keputusan masyarakat untuk membuat pilihan parti pemerintah. Tambahan lagi, persepsi politik rakyat terhadap isu-isu politik atau parti-parti pemerintah adalah penting dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya umum terutamanya di negara yang mengamalkan demokrasi. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan kajian Persepsi Politik dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dilakukan oleh Junaidi Awang Besar dan rakan-rakan beliau yang menyatakan bahawa persepsi politik pengundi di Kuala Lumpur seterusnya mempengaruhi pilihan politik pengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (Junaidi *et al*., 2014:135).

Walaupun kajian menunjukkan semakin ramai pengundi Cina yang inginkan perubahan pemerintah cenderung mengundi kepada parti selain Barisan Nasional, namun pengkaji mendapati bahawa pengundi Cina mengundi kepada parti pembangkang khususnya Pakatan Rakyat bukan kerana parti ini mampu membawa perubahan dalam pemerintahan, malah hanya disebabkan mereka tidak ingin berada di bawah pemerintahan Barisan Nasional lagi. Selain itu, kajian turut mendapati bahawa ramai pengundi Cina yang masih tidak memainkan peranan masing-masing sebagai rakyat Malaysia untuk mendaftar sebagai pengundi walaupun telah mencecah umur 21 tahun. Perkara ini sepatutunya dipandang serius oleh pelbagai pihak termasuklah rakyat itu sendiri kerana merekalah yang harus mengundi untuk membina kerajaan yang diingini selain bertanding sebagai calon pilihan raya umum.

RUJUKAN

Airasian, P., Gay, L. R., & Mills, G. E. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and applications*. Upper Saddle. River. NJ Merrill.

Drs. Nazaruddin S.H. (1974). *Publisiti Dakwah*. Jakarta: Penerbitan Erlangga.

Hussain Mohamed. (1997). *Belia Malaysia: Masalah, gerakan dan masa depan, aneka pub*.

Istijanto, M. M. (2005). *Aplikasi praktis riset pemasaran*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Joseph V. Femia.(1981). *Gramsci political thought: Hegemony, consciousness, and the revolutionary process*, United States: Oxford University Press, New York.

Milbrath, L. (1965). *Political participation: How and why do people get involved in politics?* Chicago: Rand McNally College Publishing Company.

Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2014). *Hegemoni budaya politik Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sharifah Maznah Syed Omar. (1993). *Myths and the Malay ruling class*. Singapore: Times Academic Press.

Syed Arabi Idid. (1994). *Penentuan agenda: Peranan media massa dalam pilihan raya umum,* (1st Ed.) Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Husin Ali. (2004). *Merdeka rakyat dan keadilan* (People's freedom and justice). Selangor: SIRD.

Abdul Hadi Samsi, Amaludin Ab. Rahman & Ku Hasinta Ku Samsu. (2013). *Persepsi belia terhadap parti politik dan tahap penglibatan politik di Selangor*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 107-120.

Coleman, J. S. (1974). Youth: Transition To Adulthood. NASSP Bulletin, 58(385), 4-11.Fatimah Akmal & Ali Salman. (2015). Partisipasi Politik Belia Secara 'Online' Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jilid 31(1), 81-100.

Holt K., Shehata A., Strömbäck J. & Ljungberg E. (2013). Age and the effects of news media attention and social media use on political interest and participation: Do social media function as leveller. *European Journal of Communication* 28(1), 19–34.

Jamaie Hj Hamil, Faris Afiq Ikhwan Saifullah, Muhammad Suhaimi, Abdul Rahman, Mahfudzah Mustafa, Russli Kamaruddin, Muhamad @ Nadzri Mohamed Noor. (2014). Ikhtisar analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 10, 39-53.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2012). Analisis Pola Pengundian Etnik Cina dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 8(5), 39-50.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2010). Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 136-142.

Junaidi Awang Besar, Muhammad Hazim Abdul Ghani, Mohd Fuad Mat Jali & Novel Lyndon. (2015). Pola Politik Kaum dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Kajian kes Negeri Selangor. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 (9), 99-111.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 10, 28-38.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2014). Persepsi Politik dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Political Perceptions in the 2013 General Elections: A case study in the federal territory of Kuala Lumpur). *Journal of Social Sciences and Humanities* 9(2), 135-161.

Kaase, M., & Marsh, A. (1979). *Political action repertory: Changes over time and a new typology*. Political action. Mass participation in five western democracies. 137-166.

Leeson, P. T. (2008). Media Freedom, Political Knowledge, and Participation. *Journal of Economic Perspectives* (Volume 2, Number 2), 155-169.

Leopold Rosenmayr. (1979). Conceptual and Theoretical Foundations. *The Journal of the International Sociological Association*, 17.

Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon, Mohd Faidz Mohd Zain. (2014) 'Realignment' pengundi Cina dalam PRU ke-13, 2013. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10 (4) (Themed Issue on The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape: The Case of The 13th GE), 54-64.

Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar. Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2011). Persepsi Politik Belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 7, 105-115.

Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012). Persepsi Politik dan Kepimpinan di Kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 8 (3), 23-32.

Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon, Viknesh a/l Ramachandran & Mohd Jalaluddin Hashim. (2012). Persepsi Politik Belia India Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (8),1-11.

Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. (2012). Akses Kepada Internet dan Kesannya Terhadap Partisipasi Politik di Negeri Johor. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 8 (6), 76-89.

Muhammed Fauzi Othman, Muhammad Fuad Othman, Zaheruddin Othman & Jamaludin Mustafa. (2003). Penyertaan Politik Masyarakat Dalam Pilihanraya: Kajian kes Pilihanraya Umum ke Sepuluh 1999 di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 178-199.

Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Ghazali Mayudin. (2008). *Hegemoni dan kontra hegemoni: Memahami perubahan pilihan raya umum ke-12*. JEBAT 35, 33-48.

Noor Sulastry Yurni Ahmad & Nor Azila Mohd Azidin. (2013). Transisi Kontra Hegemoni Dalam Budaya Politik Melayu Di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6 (1). pp. 120-137.

Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman. (2008). *Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12*. Prosiding, Seminar Politik Malaysia, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA. 149-260.

Rusdi Omar, Sivamurugan Pandian. (2006). Falsafah Pemikiran Politik Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Kemanusiaan* 8, 78-91.

Samsudin A. Rahim. (2013). Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. Jurnal Komunikasi, Malaysian *Journal of Communication* 26 (2), 1-15.

Sarjit S. Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Mohd Razali Harun & Mohd Roslan Rosnon. (2012). *Penglibatan dan pemilihan pemimpin politik dalam kalangan belia minoriti di Semenanjung*. Geran Universiti Penyelidikan (RUGS), 1-15.

Towner, T. L. (2013). All political participation is socially networked? New media and the 2012 election. Social Sciences Computer Review 31(5), 527-541. Agenda Pakatan, Buku Jingga : Ubah Sekarang, Selamatkan Malaysia. *Keadilan Daily*, 24 Mei 2016.

Had umur belia 15-30 tahun bermula 2018: Percepat proses 'keremajaan' pimpinan negara. Utusan Online, 18 November (2014). Manifesto Chempaka Janjikan Rumah Mampu Milik, Fasiliti Sukan, Program Warga Emas. *Sinar Online*, 1 Mei 2016.

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Dikekalkan Demi Menjamin Kesejahteraan Negara. http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/umum/4300-akta-keselamatan-dalam-negeri-isa-dikekalkan-demi-menjamin-kesejahteraan-negara.html

Data Keputusan PRU Selangor Mengikut DUN Dan Parlimen http://www.spr.gov.my/

Jumlah Penduduk Mengikut Umur Dan Kumpulan Etnik Di Bandar Selangor. (2010). http://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/EthnicEN.pdf

Latar Belakang Selangor http://www.selangor.gov.my

Pelan Bahagian Pilihan Raya Parlimen Dan DUN Selangor https://biswardihasbi.wordpress.com/tag/senarai-calon-kawasan-parlimen-dan-dewan-undangan-negeri/

Perbandingan Bilangan Kerusi Dalam PRU 2008 Dan PRU (2013).http://www.spr.gov.my/

Peta Kawasan Kemenangan Mengikut Parti Kerajaan, Pembangkang Dan Parti Bebas http://dewan.selangor.gov.my/peta#

Senarai Nama Calon Dan Keputusan Mengundi Di DUN Selangor, PRU-13 http://bm.selangorku.com/wp-content/uploads/2013/05/Selangor-kini-5-Mei.pdf

Statistik Taburan Penduduk Di Malaysia Mengikut Strata. (2013). http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/1-DATA-ASAS-MALAYSIA1.pdf

Statistik Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Etnik, Strata Dan Jantina. (2014). http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/1-DATA-ASAS-MALAYSIA1.pdf

Unjuran Populasi Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Di Selangor, (2015) http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/info-terkini/19463-unjuran-populasi-penduduk-2015.html

Profil Penulis:

Gan Pei Shan
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
samantha6660@gmail.com

Noor Sulastry Yurni Ahmad,Ph.D
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
sulastryyurni@um.edu.my